

Harga RON95 kekal, RON97 turun 13 sen

PUTRAJAYA - Harga runcit petrol RON95 dan diesel masing-masing kekal pada paras RM2.08 dan RM2.18 seliter bermula semalam sehingga 14 Jun depan.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam berkata, harga runcit petrol RON97 pulak turun 13 sen daripada RM2.76 kepada RM2.63 seliter untuk tempoh sama.

Menurutnya, penetapan harga runcit itu akan dikekalkan untuk tempoh dua minggu sempena Hari Raya Aidilfitri dengan anggaran subsidi sebanyak RM165.27 juta.

"Sebanyak RM120.94 juta subsidi diperuntukan untuk produk RON95 manakala subsidi bagi diesel adalah RM44.33 juta.

"Selepas 14 Jun, penetapan harga runcit produk petroleum ini akan dibuat secara mingguan," katanya.

Menurutnya, penurunan itu berikutan harga produk petroleum diproses di pasaran dunia telah menunjukkan trend penurunan susulan penurunan purata harga minyak mentah Brent berbanding minggu sebelumnya.